

# MEMORI POTLUCK: JAMUAN SELAMAT DATANG DAN PERPISAHAN

oleh Suhaida Halamy

Seperti tradisi di penghujung semester, Pusat Pengajian Sains Maklumat (PPSM) sekali lagi mengadakan mesyuarat bagi membentangkan analisa peperiksaan akhir pelajar. Namun, mesyuarat kali ini yang diadakan di Bilik B144, Blok B pada 6 Ogos 2024, jam 2.30 petang hari Selasa, berbeza daripada mesyuarat sebelumnya. Kali ini, mesyuarat dimeriahkan dengan suasana santai dan mesra apabila para pensyarah PPSM membawa pelbagai hidangan potluck, bagaikan suasana Hari Raya.

Meja-meja dipenuhi dengan pelbagai juadah yang menyelerakan seperti nasi lemak rendang, pulut kuning dengan kari ayam, bihun goreng, satay, kuih-muih, buah-buahan segar, kek pelbagai jenis, ais krim, dan lain-lain. Pensyarah ‘servicing’ dari Fakulti Pengurusan dan Perniagaan dan Akademi Pengajian Bahasa turut memeriahkan suasana, dijemput menjamu selera sebelum mesyuarat bermula. Selepas selesai menikmati hidangan, mereka bersurai, dan agenda mesyuarat seterusnya dimulakan.

Desas-desus mengenai kehadiran pensyarah baharu PPSM UiTM Sarawak telah bertiup sejak berbulan-bulan lalu, namun persoalan tentang siapa dan bila tetap menjadi teka-teki. Segala tanda tanya akhirnya terjawab apabila Encik Mohamad Khairul bin Duan, atau lebih mesra dikenali sebagai KD, memulakan tugasnya di UiTM Sarawak pada 1 Ogos 2024. Untuk menyambut kedatangan beliau sebagai ahli keluarga baharu PPSM, majlis potluck dan sesi suai kenal diadakan dengan penuh keceriaan.

Acara dimulakan dengan ucapan alu-aluan daripada Dr. Susan Hydra Sikayu, Ketua Pusat Pengajian PPSM UiTM Sarawak. Seterusnya, KD dijemput untuk memperkenalkan diri dan berkongsi sedikit latar belakang profesionalnya. Dengan personaliti yang ramah dan rendah diri, beliau memohon tunjuk ajar daripada para pensyarah lain untuk meningkatkan potensi dirinya dalam fakulti. Kehadiran beliau diharap dapat memberi warna warni di PPSM.

Suasana ceria yang menghiasi bilik B144 tadi bertukar hening seketika. Ruang mesyuarat itu menjadi saksi kepada berita yang mengejutkan semua, apabila diumumkan bahawa dua figura penting dalam PPSM akan meninggalkan UiTM Sarawak. Pertama, Puan Nurfaizah Kamarudin, yang akan berpindah ke UiTM Cawangan Segamat, Johor setelah 13 tahun setia menerahkan bakti di Bumi Kenyalang. Kedua, Puan Norlida Ismailly, yang bakal menutup tirai perkhidmatannya dengan bersara pada hujung tahun ini setelah 16 tahun menjadi tunjang fakulti.

Ucapan seterusnya disampaikan oleh Puan Norlida Ismailly, yang berkongsi kata-kata penuh hikmah, nasihat bernilai, serta pengalaman yang terkumpul selama 31 tahun berkhidmat



Dr. Susan memberikan ucapan sempena jamuan meraikan perpindahan Puan Faizah dan kedatangan Encik Khairul

sebagai Pustakawan dan Pensyarah. Setiap detik dan sumbangan beliau di PPSM UiTM Sarawak adalah ibarat permata yang tak ternilai harganya, dan akan tetap dikenang selamanya. Kemudian, giliran Puan Nurfaizah Kamarudin mengambil tempat, dengan ucapan yang menyuntik semangat dan harapan. Beliau menegaskan bahawa perpindahannya ke Segamat bukanlah penamat hubungan dengan PPSM Sarawak, tetapi permulaan bab baru yang akan mengukuhkan lagi ukhuwah yang telah lama terbina.

Mesyuarat kali ini menjadi pertemuan terakhir buat mereka bersama para pensyarah PPSM. Ia bukan sekadar perjumpaan biasa, tetapi detik penuh emosi untuk mengenang jasa dan sumbangan mereka yang tidak ternilai. Kehilangan mereka pasti dirasai, namun kenangan dan legasi yang ditinggalkan akan sentiasa terpahat dalam ingatan.

Kenangan manis dan pahit bersama mereka berdua terpahat kukuh di dalam hati, menjadi memori yang tak akan pudar dimamah waktu. Semoga segalanya menjadi kenangan terindah yang akan dikenang sepanjang hayat. Patah tumbuh, hilang berganti, begitulah adat kehidupan—di setiap pertemuan, pasti ada perpisahan.

Buat Encik KD, selamat datang dan bawalah sinar baru yang segar dan bernilai kepada PPSM UiTM Sarawak. Kepada Puan Nurfaizah, terima kasih atas segalanya—teruskan perjuanganmu meskipun tidak lagi bersama PPSM UiTM Sarawak. Dan kepada Puan Norlida, selamat menikmati alam persaraan. Terima kasih atas setiap jasa dan bakti yang tidak ternilai harganya.



Pensyarah yang diraikan semasa jamuan (dari atas): Puan Faizah Kamarudin, Puan Norlida Ismailly dan Encik Mohamad Khairul Duan